



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor**.

A. JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP29	Penolong Pegawai Keselamatan	RM1,493.00	RM5,696.00

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN (KP29) – (Kampus Segamat)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - (iv) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - (v) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,770.95); atau
 - dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm ukuran dada yang biasa semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecapan warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1 (c)(i), 1 (c)(ii), 1 (c)(iii), 1 (c)(iv) dan 1 (c)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang di <https://pengambilancns.uitm.edu.my/> dan membuat permohonan secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.
2. Pemohon dikehendaki membeli nombor pin di dalam sistem pengambilan dengan bayaran RM10.00 bagi setiap nombor pin untuk setiap satu jawatan yang dimohon.
3. Sekiranya anda terpilih untuk ditemuduga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temuduga. Sekiranya dokumen lengkap tidak dikemukakan, panggilan temuduga adalah terbatal. Dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah dikepilkan mengikut susunan berikut :
 - i. Borang Permohonan
 - ii. Kad Pengenalan
 - iii. Sijil Kelahiran
 - iv. Sijil PT3/PMR, SPM/MCE, HCE/STPM, Matrikulasi atau setaraf
 - v. Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Ph.D (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - vi. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
 - vii. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - viii. Salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - ix. Dokumen berkaitan dengan jawatan yang dipohon
4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan di proses.
6. Tarikh iklan dikeluarkan pada 4 Jun 2024 (Selasa). **TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH PADA 18 JUN 2024 (SELASA).**

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh dikemukakan kepada:

BAHAGIAN PENTADBIRAN
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Segamat

No. Tel : +(607) – 935 2273/2010/2486/2020

Email : pengambilanci@staf.uitm.edu.my